Dato' Choo Keng Weng lwn Dato' Abdullah Hishan bin Mohd Hashim

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN NO S2–22–212 TAHUN 2003
WAN ADNAN MUHAMAD H
15 JUNE 2006

Acara Sivil — Penggantungan prosiding — Permohonan untuk — Rayuan ke Mahkamah Rayuan — Rayuan hanya membabitkan keputusan mengenai prosedur sahaja — Sama ada patut menanti keputusan Mahkamah Rayuan atas persoalan prosedur — Keadilan kepada semua pihak

Defendan memohon di bawah A 92 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 (KMT) (Lampiran 24) untuk mahkamah menggunakan budi bicara menggantungkan semua prosiding termasuk pengurusan kes sehingga keputusan mengenai Lampiran 14 dibuat oleh Mahkamah Rayuan. Rayuan oleh defendan kepada Mahkamah Rayuan adalah terhadap keputusan mahkamah menolak permohonan defendan di Lampiran 14 di mana defendan memohon mahkamah membicarakan tindakan plaintif melalui prosiding awalan di bawah peruntukan A 14A KMT. Defendan membuat saranan bahawa tuntutan beliau boleh ditentukan oleh mahkamah atas persoalan undang-undang sahaja kerana ia membabitkan persoalan sekatan oleh had masa di bawah peruntukan Akta Had Masa 1953. Permohonan defendan dibantah oleh plaintif. Berdasarkan keterangan afidavit-afidavit kedua-dua pihak mahkamah telah menolak permohonan defendan di Lampiran 14.

Diputuskan, menolak permohonan defendan dengan kos:

(1) Permohonan defendan adalah suatu penyalahan proses mahkamah. Ia bertujuan melengahkan proses perjalanan kes. Defendan mengambil masa lebih dari satu tahun untuk membuat permohonan Lampiran 14 tersebut. Mahkamah tidak akan membantu defendan kerana defendan sendiri tidak membantu dirinya bila gagal membuat permohonan di Lampiran 14 dalam masa yang munasabah (lihat perenggan 6).

(2) Penggantungan keseluruhan prosiding akan lebih memperjudiskan plaintif kerana rayuan defendan di Mahkamah Rayuan tidak menentukan kesudahan tindakan tetapi hanya mengenai cara mana tindakan plaintif harus diputuskan. Ia hanya membabitkan keputusan mengenai prosedur sahaja. Tindakan plaintif boleh diteruskan seiring dengan perbicaraan rayuan defendan. Jika Mahkamah Rayuan membuat keputusan memihak kepada defendan mahkamah ini akan membicarakan kes mengikut prosiding di bawah peruntukan A 14A KMT. Jika keputusan Mahkamah Rayuan memihak kepada plaintif maka perbicaraan

penuh berjalan seperti biasa kerana ia tidak menjejaskan pembelaan defendan mengenai persoalan had masa. Adalah sesuatu yang tidak dapat dinafikan perbicaraan penuh adalah lebih baik daripada perbicaraan secara prosiding awalan kerana kedua-dua pihak berpeluang mengemukakan keterangan saksi-saksi mereka secara lisan mengenai fakta yang dipertikaikan disamping persoalan undang-undang akan dihujahkan selepas perbicaraan. Persoalan sekatan had masa melibatkan isu-isu pembentangan fakta-fakta untuk menunjukkan detik permulaan kausa tindakan. Penantian keputusan Mahkamah Rayuan atas persoalan prosedur akan membuat perjalanan keseluruhan prosiding kes ini terhenti bagi tempoh masa yang belum menentu memandangkan Mahkamah Rayuan mempunyai beban kerja yang tidak kurangnya daripada mahkamah ini (lihat perenggan 8).

(3) Adalah suatu prinsip undang-undang yang mantap mahkamah hanya menggunakan budi bicaranya di bawah peruntukan A 92 k 4 KMT bagi memastikan keadilan kepada semua pihak dan bukan hanya keadilan bagi sebelah pihak sahaja. Membenarkan Lampiran 24 akan menimbulkan ketidakadilan kepada plaintif dan menafikan Lampiran 24 tidak memprejudiskan defendan. Ia adalah seimbang (lihat perenggan 9).

[English summary

The defendant applied pursuant to O 92 Rules of the High Court 1980 (RHC) (encl 24) for the court to exercise its discretion to stay all proceedings including case management pending the decision on encl 14 to be decided by the Court of Appeal. The appeal by the defendant to the Court of Appeal was against the decision by the court dismissing the defendant's application in encl 14 whereby the defendant applied to the court to try the plaintiff's action through a preliminary proceeding pursuant to the provisions of O 14A of the RHC. The defendant's suggestion that their claim can be decided by the court on a question of law alone as it involves the issue of limitation under the Limitation Act 1953. The defendant's application was objected by the plaintiff. Based on the affidavits evidence by both sides, the court dismissed the defendant's encl 14 application.

Held, dismissing the defendant's application with costs:

(1) The defendant's application was an abuse of the process of the court. It sought to delay the proceedings. The defendant took more than a year to make the encl 14 application. The court will not assist the defendant as the defendant did not assist himself in failing to make the application in encl 14 within a reasonable time (see para 6).

(2) The stay of the whole proceedings is more likely to prejudice the plaintiff as the defendant's appeal to the Court of Appeal will not determine the final cause of the action but only the manner in which the plaintiff's cause of action ought to be determined. It only involves the decision on procedure. The plaintiff's cause of action can be continued along with the appeal by the defendant. If the Court of Appeal decides for the defendant, this court will then try the case according to the provisions under O 14A of the RHC. If the Court of Appeal

A decides for the plaintiff, the full trial will proceed accordingly as it will not affect the defendant's defence on the issue of limitation. It cannot be denied that a full trial is better than trial by preliminary proceeding as both parties have the opportunities to present witnesses' evidence orally on the disputed facts and the legal issue submitted after the trial. The question on limitation
B involves factual issues to be presented to show the beginning point of a cause of action. The waiting for the decision of the Court of Appeal on the question of procedure will halt the whole proceedings of the case for an uncertain period of time as the Court of Appeal is also burdened with as many cases as this court (see para 8).

C (3) It is a well settled principle of law that the court will only exercise its discretion under the provisions of O 92 r 4 of the RHC to ensure justice to all parties not just justice to one party only. Allowing encl 24 will cause injustice to the plaintiff and denying encl 24 will not cause any prejudice to the defendant. It is balanced (see para 9).]

D **Nota-nota**

Untuk kes-kes permohonan untuk penggantungan prosiding, lihat 2(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2004 Reissue) perenggan-perenggan 2401–2424.

Kes-kes yang dirujuk

E *Pentadbir Tanah Daerah Petaling v Swee Lin Sdn Bhd* [1999] 3 AMR 3074 (dirujuk)
Petroleum Nasional Bhd lwn Kerajaan Negeri Terengganu [2004] 1 MLJ 80 (dirujuk)
Summer A Williams Henderson & Sons Ltd [1963] 2 AII ER 712

Undang-undang yang dirujuk

F Kaedaah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A92 K4, A14

(Sri Ram & Co) bagi pihak plaintif.
(J Clemons & Associates) bagi pihak defendan.

G **Wan Adnan Muhamad H:**

LAMPIRAN 20

H **[1]** Pada 21 Mac 2006, saya telah menolak permohonan defendan melalui suatu saman dalam kamar (SDK) di Lampiran 24 dengan kos. Saman dalam kamar tersebut ialah permohonan defendan di bawah A 92 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 (KMT) untuk mahkamah menggunakan budi bicara menggantungkan semua prosiding dalam tindakan guaman sivil plaintif No S2-22-212-2003.

I **[2]** Alasan yang diberi oleh defendan ialah wujudnya suatu rayuan oleh defendan kepada Mahkamah Rayuan terhadap keputusan mahkamah yang dibuat pada 14 April 2005. Keputusan tersebut menolak permohonan defendan melalui suatu notis usul di Lampiran 14 di mana defendan memohon mahkamah membicarakan tindakan plaintif melalui prosiding awalan di bawah peruntukan A 14A KMT.

[3] Defendan membuat saranan bahawa tuntutan beliau boleh ditentukan oleh mahkamah atas persoalan undang-undang sahaja kerana ia membabitkan persoalan sekatan oleh had masa di bawah peruntukan Akta Had Masa 1953. Permohonan defendan dibantah oleh plaintif. Berdasarkan keterangan afidavit-afidavit kedua-dua pihak mahkamah dalam prosiding, permohonan notis usul tersebut telah menolak permohonan defendan di Lampiran 14.

[4] Bagi saya ia amat jelas permohonan di Lampiran 24 diasaskan dengan adanya rayuan defendan yang belum diputuskan oleh Mahkamah Rayuan mengenai keputusan mahkamah berhubung Lampiran 14.

[5] Pada hakikatnya keputusan terhadap Lampiran 14 bukanlah keputusan muktamad. Ia hanyalah mengenai prosedur. Katakanlah rayuan defendan mengenai Lampiran 14 dibenarkan sudah tentu tindakan sivil plaintif akan kembali ke mahkamah ini untuk dibicarakan secara awalan (prosiding A14A). Pada pendapat saya Mahkamah Rayuan tidak akan memutuskan berdasarkan merit tindakan plaintif terhadap defendan di peringkat perbicaraan rayuan tersebut.

[6] Dalam permohonan di Lampiran 24 defendan memohon menggantung segala prosiding termasuk pengurusan kes sehingga keputusan mengenai Lampiran 14 dibuat oleh Mahkamah Rayuan. Pada hemat saya permohonan defendan adalah suatu penyalahan proses mahkamah. Ia bertujuan melengahkan proses perjalanan kes. Saya berkata demikian bukan tiada sebabnya. Jika benar maksud defendan untuk menjimatkan masa dan kos, kenapa defendan mengambil masa lebih dari satu tahun untuk membuat permohonan Lampiran 14 tersebut. Sayugia diingatkan plaintif telah memfailkan tindakan pada 28 Februari 2003 dan penyataan tuntutan terpinda difailkan oleh plaintif pada 24 Mac 2003. Manakala defendan telah memfailkan pernyataan pembelaan pada 14 Julai 2003. Pada 28 Oktober 2003 suatu permohonan di bawah A20 K5 KMT dibuat melalui Lampiran 6 dan beberapa pengurusan kes ditetapkan sebelum Lampiran 14 difailkan. Nampaknya dalam rekod mahkamah jelas menunjukkan defendan tidak berminat perbicaraan dipercepatkan. Mahkamah tidak akan membantu defendan kerana defendan sendiri tidak membantu dirinya bila gagal membuat permohonan di Lampiran 14 dalam masa yang munasabah. Dalam keadaan seperti ini, tidak keterlaluan jika saya terima pakai apa yang disarankan oleh Gopal Sri Ram HMR dalam kes *Pentadbir Tanah Daerah Petaling v Swee Lin Sdn Bhd* [1999] 3 AMR 3074 di halaman 3080. Katanya dalam bahasa asal '…. there is a principle of great antiquity that a litigant ought not to benefit for its own wrong'. Bagi saya ia adalah suatu 'passage of general application'. Saranan hakim tersebut terpakai berdasarkan latar belakang kes di mana defendan sendiri saya anggap bersalah dalam kelengahan memfailkan Lampiran 14. Pembelaan defendan dari awal lagi antara lain telah menimbulkan persoalan had masa. Sepatutnyalah defendan memfailkan permohonan untuk prosiding A 14A KMT secepat mungkin selepas itu.

[7] Mahkamah terdahulu telah memutuskan bahawa prosiding di bawah peruntukan A 14A KMT tidak sesuai. Ini adalah budi bicara mahkamah lebih-lebih lagi permohonan defendan ditentang oleh plaintif. Mahkamah dapat meneliti

melalui affidavit kedua-dua pihak sama ada terdapatnya persoalan-persoalan fakta atau undang-undang (sila lihat kes *Petroleum Nasional Bhd lwn Kerajaan Negeri Terengganu* [2004] 1 MLJ 80).

[8] Adalah menjadi tanggungjawab mahkamah untuk memberi keadilan (sila lihat kes-kes *Petroleum Nasional Bhd lwn Kerajaan Negeri TerenganuSummer A William Henderson & Sons Ltd* [1963] 2 All ER 712). Pada pertimbangan saya penggantungan keseluruhan prosiding akan lebih memperjudiskan plaintif kerana rayuan defendan di Mahkamah Rayuan tidak menentukan kesudahan tindakan tetapi hanya mengenai cara mana tindakan plaintif harus diputuskan. Seperti saya katakan terdahulu ia hanya membabitkan keputusan mengenai prosedur sahaja. Pada hemat saya tindakan plaintif boleh diteruskan seiring dengan perbicaraan rayuan defendan. Jika Mahkamah Rayuan membuat keputusan memihak kepada defendan mahkamah ini akan membicarakan kes mengikut prosiding di bawah peruntukan A 14 KMT. Jika keputusan Mahkamah Rayuan memihak kepada plaintif maka perbicaraan penuh berjalan seperti biasa kerana ia tidak menjejaskan pembelaan defendan mengenai persoalan had masa. Adalah sesuatu yang tidak dapat dinafikan perbicaraan penuh adalah lebih baik daripada perbicaraan secara prosiding awalan kerana kedua-dua pihak berpeluang mengemukakan keterangan saksi-saksi mereka secara lisan mengenai fakta yang dipertikaikan di samping persoalan undang-undang akan dihujahkan selepas perbicaraan. Persoalan sekatan had masa melibatkan isu-isu pembentangan fakta-fakta untuk menunjukkan detik permulaan kausa tindakan. Penantian keputusan Mahkamah Rayuan atas persoalan prosedur akan membuat perjalanan keseluruhan prosiding kes ini terhenti bagi tempoh masa yang belum menentu memandangkan Mahkamah Rayuan mempunyai beban kerja yang tidak kurangnya daripada mahkamah ini.

[9] Adalah suatu prinsip undang-undang yang mantap bahawa mahkamah hanya menggunakan budibicaranya di bawah peruntukan A 92 K4 KMT bagi memastikan keadilan kepada semua pihak dan bukan hanya keadilan bagi sebelah pihak sahaja. Membenarkan Lampiran 24 akan menimbulkan ketidakadilan kepada plaintif dan menafikan Lampiran 24 tidak memprejudiskan defendan. Ia adalah seimbang.

Permohonan defendan ditolak dengan kos.

Reported by Sally Kee